

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IR. YONG WUI CHUNG**

**TARIKH : 11 DISEMBER 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 08**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula pemberhentian penerbangan MASwings bagi laluan Kota Kinabalu- Sandakan dan Kota Kinabalu-Tawau berkuat kuasa 1 Januari 2019 ini, yang akan menjelaskan industri pelancongan di Sabah.

**JAWAPAN**

Yang Di Pertua,

1. RAS merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mod pengangkutan utama yang menghubungkan penduduk di kawasan luar bandar dengan dunia luar.
2. MASwings telah diberi tanggungjawab oleh Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan RAS di Sabah dan Sarawak melalui Perjanjian RAS yang ditandatangani di antara MOT dan MASwings pada 3 Julai 2008. Selanjutnya, Perjanjian RAS tersebut yang tamat pada 30 September 2017 telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2018 melalui Perjajian Interim di antara Kerajaan dan MASwings.
3. MASwings menyediakan perkhidmatan RAS di sejumlah 49 laluan yang meliputi 19 laluan dengan menggunakan 10 buah pesawat jenis ATR 72-500 dan 30 laluan dengan menggunakan 6 buah pesawat jenis Twin Otter Viking DHC6-400. Laluan-laluan ini adalah melibatkan 11 buah lapangan terbang dan 12 buah padang terbang di Sabah dan Sarawak.
4. Berdasarkan kajian semula Perkhidmatan Udara Luar Bandar (Rural Air Services – RAS) yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Malaysian Aviation Commission – MAVCOM) pada tahun 2017, enam laluan RAS termasuk Kota Kinabalu – Sandakan vv dan Kota Kinabalu – Tawau vv yang sedang dioperasikan secara bersama oleh MASwings, AirAsia dan Malaysia Airlines Berhad (MAB) adalah diklasifikasikan sebagai laluan komersial.

5. Ini adalah berikutkan 2 laluan ini sudah tidak lagi memenuhi kriteria di bawah Obligasi Perkhidmatan Awam (Public Service Obligations – PSO) dan tidak layak dikategorikan sebagai RAS di bawah Akta MAVCOM 2015 (Akta 771) memandangkan terdapat operasi komersial di laluan tersebut.
6. Buat masa ini, bagi laluan Kota Kinabalu – Sandakan vv, MAB dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan dengan kekerapan masing-masing sebanyak 7 kali seminggu dan 25 kali seminggu. Manakala, bagi laluan Kota Kinabalu – Tawau vv, MAB, AirAsia dan Malindo menyediakan perkhidmatan penerbangan dengan kekerapan masing-masing sebanyak 14 kali seminggu, 25 kali seminggu dan 7 kali seminggu. Sehubungan itu, pemberhentian penerbangan MASwings bagi 2 laluan ini secara langsung tidak akan menjaskankan industri pelancongan di Sabah.
7. Buat masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula pemberhentian penerbangan MASwings bagi 2 laluan tersebut mulai 1 Januari 2019.

Sekian, terima kasih.